

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan metodologi penyelidikan iaitu subjek kajian, kaedah yang digunakan, soal selidik, kajian rintis, pentadbiran soal selidik dan cara menganalisa data.

3.2 Subjek Kajian

Subjek kajian ialah 60 orang pelajar Sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur. Mereka terdiri daripada pelajar tingkatan 2 dan pelajar tingkatan 4. Pelajar telah dipilih dengan membuat semakan borang maklumat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Pelajar tingkatan dua dan pelajar tingkatan empat dipilih kerana mereka merupakan pelajar yang tidak terlibat dalam sebarang peperiksaan awam. Maklumat tentang latar belakang pelajar yang terlibat dalam kajian ini ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1**Subjek kajian**

Latar belakang pelajar	Jumlah (N=60)	Peratus
Jantina:		
Lelaki	32	53.3 %
Perempuan	28	46.7 %
Tingkatan diikuti:		
Tingkatan 2	30	50.0 %
Tingkatan 4	30	50.0 %
Pendapatan ibu bapa/ penjaga:		
Rendah	30	50.0 %
Tinggi	30	50.0 %

Jadual 1 menunjukkan maklumat tentang pelajar yang telah dipilih sebagai subjek kajian. Dari segi jantina, seramai 32 orang pelajar yang menjadi subjek merupakan pelajar lelaki dan 28 orang lagi merupakan pelajar perenpuan. Dilihat kepada tingkatan yang diikuti pula, bilangan pelajar tingkatan dua dan pelajar tingkatan empat adalah sama banyak iaitu 30 orang. Bilangan pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah dan pelajar dari keluarga yang berpendapatan tinggi juga adalah sama banyak iaitu 30 orang. Jumlah keseluruhan pelajar yang menjadi subjek kajian ialah 60 orang.

3.3 Kaedah Penyelidikan

Data diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik yang ditadbirkan secara individu. Pentadbiran soal selidik mengikut cara sedemikian mempunyai beberapa kelebihan. Schweigert (1994) dalam bukunya '*Research methods and statistics in psychology*' menyatakan bahawa seorang penyelidik boleh mendapatkan maklumat yang tepat dan jujur daripada respondennya dengan menyoalnya secara individu. Penyelidik juga dapat mempastikan semua soalan yang terkandung dalam soal selidik dijawab. Dilman (Schweigert, 1994) menguatkan lagi keistimewaan pentadbiran soal selidik secara individu dengan menyatakan bahawa soal selidik yang ditadbirkan secara individu membolehkan penyelidik mengenalpasti beberapa maklumat yang berkaitan dengan responden tanpa perlu menyoalnya seperti maklumat jantina dan anggaran usia.

Wiersma (1995) dalam bukunya yang berjudul '*Research methods in education: An introduction*' menjelaskan beberapa kelebihan soal selidik yang ditadbirkan secara individu iaitu:

- a. mengelakkan daripada berlakunya masalah responden yang dipilih enggan memberi respon.
- b. penyelidik boleh mendapatkan maklumat tambahan sebagai maklumat sokongan atau sebagai penjelasan lanjut kepada maklumat

yang diberi (jika diperlukan).

- c. peluang untuk mendapatkan maklumat yang diminta melalui soalan terbuka (*open ended*) adalah lebih cerah
- d. penyelidik dapat mempastikan semua item dalam soal selidik dijawab
- e. penyelidik boleh mendapatkan maklumat daripada responden yang tidak dapat memberi maklumat melainkan melalui soal selidik yang ditadbirkan secara individu (contohnya ialah maklumat daripada responden yang buta huruf).

3.4 Soal Selidik

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada 3 bahagian.

Dalam bahagian A, ada empat item iaitu tiga item mengenai maklumat diri pelajar dan satu item mengenai persepsi pelajar tentang tekanan. Bahagian B pula ada 71 item iaitu 66 item mengenai perkara-perkara yang menjadi punca tekanan dan lima item terbuka untuk membolehkan pelajar menyatakan apa sahaja perkara yang menjadi punca tekanan yang tidak terdapat dalam 66 item yang tersenarai. Dalam bahagian C pula ada dua item iaitu satu item yang dibina dengan tujuan untuk mengenal pasti cara pelajar mengatasi tekanan dan satu item lagi siapakah individu yang menjadi rujukan pelajar apabila mereka mengalami tekanan.

3.4.1 Keterangan mengenai soal selidik

Bahagian A

Dalam bahagian A ada empat iaitu tiga item yang dibina dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang pelajar iaitu jantina, tingkatan yang diikuti dan jumlah pendapatan ibu bapa atau penjaga. Terdapat satu item lagi dalam bahagian A dalam bentuk terbuka yang dibina untuk mendapatkan persepsi pelajar mengenai tekanan.

Bahagian B

Dalam bahagian B ada 71 item. Item 1 hingga item 66 ialah item-item mengenai perkara-perkara yang menjadi punca tekanan kepada pelajar. Item 67 hingga item 71 merupakan item terbuka. Item 1 hingga item 66 dibina berdasarkan item-item yang terdapat dalam instumen yang dibina oleh beberapa pengkaji iaitu Dobson (1979), Yeaworth, York, Hussey, Ingle dan Goodwin (1987), Compas, Davis, Forsythe dan Wagner (1987) dan Tien Sin Tay (1993). Item 1 hingga item 66 dibahagikan kepada lapan kumpulan iaitu item-item yang berkaitan akademik, sekolah, guru, rakan sebaya, ibu bapa, keluarga, peribadi dan aktiviti luar. Jadual 2 hingga jadual 9 menunjukkan senarai item mengikut kumpulan masing-masing.

Jadual 2**Senarai item yang berkaitan dengan akademik**

No. Item	Item-item
1	Menunggu keputusan peperiksaan atau ujian
2	Menghadiri kelas tambahan di luar waktu sekolah
5	Datang ke sekolah untuk belajar
6	Tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada apa yang diajar di sekolah
7	Tidak cukup masa untuk mengulang kaji pelajaran
9	Terlalu banyak mata pelajaran yang perlu dipelajari di sekolah
15	Tidak dapat menjawab dengan betul apabila disoal oleh guru di dalam kelas
21	Kerja rumah yang diberi oleh guru terlalu banyak
27	Mendapat gred yang lemah dalam ujian atau peperiksaan
28	Sukar memahami kerja rumah yang diberi oleh guru
31	Tidak dapat menyiapkan kerja rumah yang diberi oleh guru pada waktu yang ditetapkan
35	Mengulangkaji pelajaran
40	Soalan peperiksaan tidak mengikut skop yang diajar

Jadual 3**Senarai item yang berkaitan dengan sekolah**

No item	Item-item
3	Peraturan di sekolah terlalu ketat
17	Program-program yang diatur oleh pihak sekolah untuk pelajar tidak menyeronokkan
19	Persekutaran di sekolah terlalu bising
39	Kemudahan di sekolah tidak mencukupi
45	Menghadapi kesukaran perjalanan pergi ke sekolah

Jadual 4**Senarai item yang berkaitan dengan guru**

No. item	Item-item
11	Guru menumpukan perhatian kepada pelajar yang disayanginya sahaja
23	Dikritik oleh guru
44	Tidak dapat berinteraksi secara baik dengan guru tertentu
47	Dihukum oleh guru
51	Guru sering membandingkan kerja-kerja saya dengan kerja rakan-rakan yang lain
62	Guru tidak pandai mengajar
64	Guru sering mencari kesalahan murid

Jadual 5**Senarai item yang berkaitan dengan rakan sebaya**

No. item	Item-item
22	Rakan seringkali mendapat markah yang lebih tinggi di dalam kelas
24	Sukar menyesuaikan diri dengan rakan sebaya
25	Tidak disukai oleh rakan sebaya yang berlainan jantina
30	Rakan sebaya seringkali mempermainkan diri saya dan apa yang saya perkatakan
31	Disisih oleh rakan-rakan
43	Hubungan dengan kawan terlalu rapat menyebabkan sukar untuk melakukan sesuatu
55	Rakan sekelas irihati dengan saya kerana pencapaian saya lebih baik dari mereka
59	Kehilangan kawan rapat

Jadual 6**Senarai item yang berkaitan dengan ibu bapa**

No.item	Item-item
8	Tidak cukup kebebasan yang diberi oleh ibu bapa berhubung pergaulan dengan rakan sebaya
10	Ibu bapa mahu saya bertingkahlaku dengan cara yang saya tidak suka
12	Ibu bapa sering menyuruh saya membuat pekerjaan di rumah
14	Ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi terhadap saya
34	Ibu bapa mendapat tahu sesuatu yang saya mahu saya rahsiakan daripada mereka
37	Ibu atau bapa berkahwin lagi
46	Dihukum oleh ibu bapa
54	Ibu bapa bercerai
57	Ibu atau bapa hilang pekerjaan
62	Ibu atau bapa tidak mengambil berat hal keluarga
66	Ibu bapa bergaduh

Jadual 7**Senarai item yang berkaitan dengan keluarga**

No. item	Item-item
33	Hubungan kurang erat dengan ahli keluarga
42	Pertelingkahan dengan adik beradik
49	Keluarga menghadapi masalah kewangan
53	Tempat tinggal yang tidak menyenangkan
56	Ahli keluarga terlibat dengan minuman keras atau dadah

Jadual 8
Senarai item yang berkaitan dengan peribadi

No. item	Item-item
16	Gagal mencapai matlamat yang digariskan untuk diri sendiri
17	Masa untuk melakukan aktiviti kegemaran tidak mencukupi
20	Memikirkan kerjaya masa hadapan
26	Hubungan dengan teman lelaki atau teman perempuan putus
29	Keadaan fizikal terlalu kurus atau terlalu gemuk
36	Keadaan fizikal terlalu rendah atau terlalu tinggi
38	Risau dengan kecantikan wajah
41	Kesihatan diri tidak memuaskan
48	Tidak dapat berkongsi masalah dengan sesiapa
52	Sukar memulakan persahabatan
58	Memulakan temujanji dengan teman yang berlainan jantina
60	Berkawan dengan individu yang berlainan jantina
63	Kurang keyakinan diri
65	Masa untuk berehat tidak mencukupi

Jadual 9
Senarai item yang berkaitan dengan aktiviti luar

No. item	Item-item
4	Aktiviti ko-kurikulum yang disertai tidak menyeronokkan
13	Datang ke sekolah selepas waktu sekolah untuk menghadiri aktiviti ko-kurikulum

Bagi setiap item, pelajar ditanya sama ada item yang dikemukakan itu boleh menjadi punca tekanan atau tidak. Pelajar kemudian diminta menyatakan sejauh manakah tahap tekanan yang mereka alami berpandukan kepada skala yang diberikan kepada mereka iaitu:

- 1 - tiada tekanan (untuk pelajar yang tidak pernah mengalami tekanan sahaja)
- 2 - tekanan rendah (menyebabkan sedikit kerisauan)
- 3 - tekanan sederhana (menyebabkan kerisauan dan kebimbangan tetapi tidak menjaskan diri dan aktiviti seharian)
- 4 - tekanan tinggi (menyebabkan kerisauan dan kebimbangan, boleh mengganggu diri dan aktiviti seharian)
- 5 - tekanan amat tinggi (menyebabkan kerisauan dan kebimbangan yang amat sangat sehingga boleh menyebabkan gangguan kepada diri dan aktiviti seharian. Memerlukan bantuan untuk mengatasi tekanan)

Bahagian C

Terdapat dua item dalam bahagian ini. Item 1 ialah item yang dibina dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai cara pelajar mengatasi tekanan.

Item 2 pula ialah item yang dibina untuk mendapat maklumat mengenai individu yang menjadi rujukan pelajar jika mereka mengalami tekanan.

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar sekolah menengah di Petaling Jaya. Objektif menjalankan kajian rintis ini ialah untuk mengetahui kesesuaian dan ketepatan item-item yang terkandung dalam soal selidik. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian rintis ini diminta memberi komen terhadap item-item tersebut. Hasilnya beberapa item telah diperbaiki dan diperkemaskan untuk menjadikannya lebih tepat, jelas dan mudah difahami.

3.6 Pentadbiran Soal Selidik

Setelah mendapat kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, kajian telah dijalankan bermula dari 2 Mei 1996 sehingga 24 Mei 1996. Subjek kajian dipilih dengan membuat semakan borang maklumat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Pelajar yang terpilih menjadi subjek diberitahu dan waktu pertemuan ditetapkan dengan persetujuan pelajar. Pihak sekolah telah memberi kebenaran untuk bertemu pelajar-pelajar tersebut pada waktu rehat dan pada waktu persediaan (waktu pelajar dibenarkan membuat ulangkaji sendiri). Setiap pelajar diberitahu mengenai tujuan

kajian dijalankan dan juga dimaklumkan tentang cara-cara mereka perlu memberi respon kepada setiap soalan yang dikemukakan.

3.7 Cara Menganalisa Data

Data-data yang diperolehi telah dianalisa dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS PC+)*. Kekerapan dan peratusan digunakan untuk mengenalpasti persepsi pelajar sekolah mengenai tekanan, cara-cara pelajar mengatasi tekanan dan individu yang menjadi rujukan pelajar jika mengalami tekanan. Peratusan digunakan untuk mengenalpasti perkara-perkara yang pelajar anggap boleh menjadi punca tekanan, tekanan yang pelajar alami dan punca-puncanya. Ujian-t berkumpulan digunakan untuk melihat perbezaan antara tahap tekanan yang dialami oleh pelajar tingkatan dua dan pelajar tingkatan empat. Ujian-t berkumpulan juga digunakan untuk melihat perbezaan antara tahap tekanan yang dialami oleh pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah dan pelajar dari keluarga yang berpendapatan tinggi.